

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL  
RAHMAN [ KUALA KRAI ]**

**TARIKH** : **23 JULAI 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan:-

- (a) berapa peruntukan untuk membangunkan infrastruktur jalan raya di luar bandar bagi tahun 2020 serta berapa sasaran jumlah kilometer akan dibina atau dinaiktaraf untuk jalan raya luar bandar dan jalan-jalan kampung; dan
- (b) berapa jumlah peruntukan untuk infrastruktur dan jalan-jalan di Kuala Krai.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi Program Jalan Luar Bandar (JALB) untuk tahun 2020 di seluruh Malaysia adalah sebanyak RM860 juta yang melibatkan 230 projek. Bagi tahun 2020, Kementerian ini mensasarkan 100 km jalan disiapkan di bawah Program JALB. Manakala sejumlah RM220juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di seluruh negara untuk tahun 2020. Berdasarkan peruntukan tersebut, pihak Kementerian mensasarkan sepanjang 270 kilometer jalan JPD akan dibina atau dinaiktaraf.

**NO. SOALAN : 19**

Untuk makluman Yang Berhormat Jua, bagi Parlimen Kuala Krai, terdapat lima (5) projek JALB yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11) dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM177.4juta. Di samping itu juga, sejumlah RM1.9 juta peruntukan telah diluluskan bagi pelaksanaan 17 projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) di Parlimen Kuala Krai.

Manakala bagi projek BALB di Parlimen Kuala Krai, terdapat 1 projek sedang dalam pelaksanaan iaitu Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2017 Negeri Kelantan Zon 3. Sebanyak 7 daripada 18 kampung yang terlibat adalah melibatkan kampung-kampung di Parlimen Kuala Krai dengan kos sebanyak RM1.9juta. Projek ini sedang dalam pelaksanaan dan tarikh jangka siap adalah pada 12 Julai 2020. Senarai kampung yang terlibat adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>SENARAI KAMPUNG</b>	<b>PARLIMEN</b>	<b>DUN</b>	<b>STATUS</b>
1	Kg Bukit Kajang	Kuala Krai	Manek Urai	Milik tapak :12/09/2019 Jangka siap : 12/07/2020 Kemajuan di Jadual : 52% Kemajuan Sebenar : 55%
2	Kg Belaga	Kuala Krai	Manek Urai	
3	Kg Lepad Jenut	Kuala Krai	Manek Urai	
4	Kg Kongo Peria	Kuala Krai	Manek Urai	
5	Taman Desa Tok Guru Sg Embak	Kuala Krai	Guchil	
6	Kg Tualang	Kuala Krai	Guchil	
7	Kg Pahi Belakang JPAM	Kuala Krai	Guchil	